

## ***Rekod Perubatan***

Terdapat proses untuk memastikan bahawa rekod perubatan anda hanya boleh diakses oleh kakitangan yang terlibat dalam penjagaan anda, mereka yang memantau kualiti penjagaan anda atau terlibat dalam penyelidikan dan pendidikan perubatan yang dibenarkan oleh undang-undang atau hospital. Anda boleh mendapatkan salinan rekod perubatan anda selaras dengan dasar hospital.

## ***Kaunseling Agama***

Kami menghormati keperluan emosi, sosial, rohani dan budaya anda. Anda boleh meminta sokongan dan akses rohani semasa anda tinggal bersama kami. Anda dialu-alukan bagi mengatur kaunselor agama untuk melawat dan/atau berdoa untuk anda semasa anda berada di hospital. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa kebenaran boleh diberikan hanya apabila ia tidak menyebabkan gangguan atau membahayakan orang lain.

## ***Kaunseling Kewangan***

Anda akan diberikan kaunseling kewangan dan maklumat mengenai skim bantuan kewangan yang berkaitan dengan bil perubatan anda sebelum perkhidmatan diberikan. Jika anda memerlukan bantuan kewangan, anda boleh berjumpa dengan pekerja sosial perubatan kami. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan tentang ketepatan bil dan caj hospital anda, anda boleh merujuk kepada wakil Pejabat Perniagaan kami.

Anda dikehendaki untuk meninggalkan IMH sebaik sahaja anda disahkan sihat secara perubatan untuk discaj. Jika anda tidak dapat berbuat demikian dalam tempoh tangguh enam hari, subsidi kerajaan akan ditarik balik dan anda perlu membayar kadar tanpa subsidi dari hari ke-7 dan seterusnya.

## ***Penyediaan Maklumat***

Kami memerlukan anda dan/atau keluarga anda untuk memberikan maklumat yang lengkap dan betul tentang kesihatan anda, termasuk sebarang keadaan semasa, penyakit yang lalu, kemasukan ke hospital, ubat-ubatan dan apa-apa maklumat lain yang berkaitan.

Bagi memudahkan proses pendaftaran dan pembayaran, sila berikan butiran peribadi dan persetujuan yang lengkap dan betul untuk mengakses Medisave, MediShield dan sebagainya.

## ***Menghormati dan Mempertimbangkan Orang Lain***

Anda digalakkan untuk menghormati privasi pesakit lain serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan hospital yang berkaitan dengan pesakit dan pelawat.

Kami berusaha untuk menjadikan pengalaman anda di IMH yang menyenangkan dan selesa. Jangan ragu-ragu untuk menghubungi kakitangan kami jika anda memerlukan bantuan. Bagi maklumat lanjut mengenai perkhidmatan di IMH, anda boleh menghubungi kami di:

**Pertanyaan Umum: 6389 2000**  
**Talian Janji Temu: 6389 2200**  
**Faks: 6385 1050**  
**E-mel: [enquiry@imh.com.sg](mailto:enquiry@imh.com.sg)**

# ***Hak dan Tanggungjawab Pesakit & Keluarga***



## **Maruah dan Hormat**

IMH adalah hospital psikiatri tertier akut yang menyediakan perkhidmatan kesihatan mental. Anda akan menerima penjagaan perubatan yang berwibawa, menghormati, sesuai dan kos efektif, tanpa mengira umur, jantina, kaum, kewarganegaraan, status sosial, penyakit fizikal atau mental.

## **Pasukan Rawatan Anda**

Pasukan rawatan pelbagai disiplin anda terdiri daripada doktor, jururawat dan pakar kesihatan bersekutu. Pelatih boleh mengambil bahagian dalam penjagaan anda di bawah pengawasan. Bagi mengetahui lebih lanjut mengenai pasukan rawatan anda, anda boleh menghubungi kakitangan kami atau e-mel [qsm@imh.com.sg](mailto:qsm@imh.com.sg) atau [enquiry@imh.com.sg](mailto:enquiry@imh.com.sg).



## **Keselamatan & Privasi**

Sepanjang tempoh rawatan anda, anda akan dilayan dengan bermaruah dan diberikan privasi pada setiap masa. Anda juga akan menerima penjagaan dalam persekitaran yang selamat. Kami juga akan menawarkan perlindungan yang sewajarnya kepada mereka yang lemah kerana faktor usia, hilang upaya dan/atau keuzuran.


## **Persetujuan Termaklum**

Persetujuan termaklum dikehendaki daripada anda untuk sesetengah rawatan dan prosedur. Jika anda tidak dapat membuat keputusan mengenai penjagaan anda kerana ketidakupayaan mental, kami boleh mendapatkan kebenaran daripada penjaga anda yang diberi kuasa untuk membuat keputusan bagi pihak anda. Apabila tidak ada orang yang diberi kuasa untuk membuat keputusan bagi pihak anda dan anda tidak mempunyai keupayaan mental untuk membuat keputusan mengenai penjagaan anda, doktor boleh melaksanakan rawatan untuk kepentingan terbaik anda dengan berunding dengan penjaga anda.

Persetujuan termaklum dikehendaki sekiranya anda mengambil bahagian dalam kajian penyelidikan.



## **Semasa dan Selepas Anda Tinggal**



Kumpulan penjagaan kami akan menerangkan tentang keadaan anda dan pelan rawatan dalam bahasa yang anda boleh faham.

Anda boleh menerima atau menolak penjagaan perubatan atau rawatan yang disyorkan tertakluk kepada syarat-syarat yang sah. Dengan berbuat demikian, anda menerima tanggungjawab bagi sebarang akibat perubatan yang disebabkan oleh keputusan anda.

Anda dikehendaki untuk mengambil bahagian secara aktif dalam rawatan anda termasuk membuat keputusan mengenai pelan rawatan anda.

Anda boleh memaklumkan kepada pihak hospital mengenai apa-apa kesulitan yang anda mungkin hadapi dalam mematuhi pelan rawatan yang ditetapkan.

Anda perlu melayan semua kakitangan hospital, pesakit lain dan pelawat dengan sopan dan hormat.

Anda mempunyai hak untuk meninggalkan hospital daripada nasihat doktor, melainkan jika anda berada dalam jagaan undang-undang dalam bidang Akta Kesihatan Mental dan Rawatan, (MHCTA), Kod Prosedur Jenayah (CPC) atau Akta Penyakit Berjangkit, (IDA), di mana sekatan hak untuk meninggalkan hospital dinyatakan sebaliknya atau dibenarkan oleh undang-undang yang berlaku di Singapura. Walau bagaimanapun, jika anda memilih untuk melakukannya, hospital dan doktor tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang akibat perubatan yang berkaitan dengan kesihatan anda selepas itu.

Anda mempunyai hak untuk berjumpa dan berbincang dengan keluarga, rakan dan pelawat lain semasa waktu melawat, kecuali jika dasar hospital atau perintah doktor anda menyatakan sebaliknya. Anda dan keluarga anda juga mempunyai hak untuk menolak pelawat kecuali jika sebaliknya dikehendaki oleh undang-undang.

Anda berhak mendapatkan pendapat kedua untuk keadaan anda (melainkan anda di tahan di bawah MHCTA, CPC or IDA) tanpa rasa khawatir akan kompromi terhadap penjagaan anda di dalam organisasi.

Kami akan terus menangani keperluan penjagaan dan rawatan anda selepas discaj anda.

Anda mempunyai hak untuk membincang perancangan rawatan awal (ACP) dengan doktor yang merawat anda dan keluarga yang akan membimbing anda dengan keputusan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan, sekiranya anda kehilangan keupayaan mental anda di masa hadapan. Perbincangan mengenai ACP boleh merangkumi subjek yang berkaitan dengan peguam kuasa berkekalan (LPA) dan/atau arahan perubatan awal (AMD), jika berkenaan.